

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98**

FEBRUARI 1998

RMK 461 - Pengurusan Binaan & Kewangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja: Jawab **DUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **DUA** soalan dari **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A: (Jawab **DUA** soalan sahaja)

1. (a) Apakah cabaran-cabaran yang sering dihadapi oleh pengurus projek yang jarang dihadapi oleh pengurus tradisional?
(b) Apakah alat-alat pengurusan yang seringkali digunakan oleh pengurus projek yang jarang digunakan oleh pengurus tradisional?
(25 markah)
2. (a) Apakah kualiti-kualiti yang patut ada pada pengurus projek sebagaimana yang telah ditemui melalui kajian dan pembangunan?
(b) Bandingkan ciri-ciri ini dengan apa yang telah diperhatikan oleh penulis-penulis mengenai perkara yang sama tetapi dihasilkan melalui pengalaman dan pendapat peribadi.
(25 markah)
3. (a) Apakah faktor-faktor yang boleh membawa kepada kejayaan projek mengikut Pinto?
(b) Bagi setiap fasa dalam kitaran binaan, sebutkan faktor-faktor yang mana timbul sebagai penting.
(25 markah)

...2/-

BAHAGIAN B: (Jawab DUA soalan sahaja)

4. (a) Huraikan bentuk-bentuk sewapajak yang terdapat dalam pasaran pada masa ini.

(b) Bincangkan kebaikan sewapajak berbanding kaedah-kaedah perolehan aset yang lain khususnya dilihat dalam konteks masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang ini.

(25 markah)

5. (a) Senarai dan huraikan kepentingan LIMA ukuran yang boleh digunakan untuk mengukur kedudukan kecairan sesebuah firma.

(b) Pada pandangan anda, adakah peningkatan dalam Nisbah Cepat dan Nisbah Semasa semestinya menunjukkan kedudukan kecairan dan pencapaian kewangan firma secara umumnya telah bertambah baik? Bincangkan.

(25 markah)

6. (a) Huraikan perkara-perkara yang perlu diberi tumpuan utama dalam Analisis Modal Kerja.

(b) Bagaimanakah hasil Analisis Modal kerja dapat digunakan untuk menilai kedudukan kewangan firma pada masa lepas, masa kini dan masa akan datang?

(25 markah)

-ooo000ooo-